

INFORMASI PENYAKIT LEPTOSPIROSIS

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 02 September 2010 12:32

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

2 SEPTEMBER 2010/23 RAMADAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: BERIKUT disertakan maklumat berkaitan Penyakit Leptospirosis dari Pejabat Kesihatan Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah Darul Aman untuk makluman dan perhatian semua:-



PEJABAT KESIHATAN DAERAH
KUBANG PASU
06000 JITRA
KEDAH DARUL AMAN.

Tel: 04 - 9171355 Fax: 04-9178644 Email - pkdkpasu@moh.gov.my**"KEDAH SEJAHTERA"**

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : Bil. (76) dlm PKKPJ : 485
Tarikh : 17hb. OGOS 2010

Seperti edaran

Tuan/Puan,

PENYAKIT LEPTOSPIROSIS

Sehubungan perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan Penyakit Leptospirosis menjadi penyakit berjangkit yang telah mengambil 6 nyawa di Telok Yu, Kuantan, Pahang dan 1 nyawa di Lata Bayu, Baling Kedah. Oleh yang demikian pihak kami ingin menasihati Tuan/Puan agar semua aktiviti luar yang melibatkan aktiviti air atau lasak (dalam hutan) hendaklah dikurangkan atau dihentikan bagi membendung impak kesihatan awam kepada pelajar/anggota tentera/ masyarakat.

3. Pihak kami juga ingin menegaskan segala aktiviti lasak dalam hutan atau pusat peranginan(rekreasi) perlulah mengambil langkah kawalan dan pencegahan yang rapi agar tiada peserta/pelajar terdedah kepada bahaya jangkitan penyakit leptospirosis. Bersama-sama dilampirkan risalah penyakit ini untuk tindakan pihak tuan selanjutnya.

4. Segala masalah berkaitan penyakit ini atau aktiviti lasak/hutan pihak Tuan/Puan boleh mendapat nasihat daripada pegawai kami, iaitu PPKPK En. V.Parseraman - No.H/P 016-4600901 atau KPPKP En Mhd Hussain - No. H/P 014-7108616.

Kerjasama semua pihak amat-amatlah diperlukan bagi membendung kes kematian berulang lagi.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

b/p- *Dr. Nor Azian*

(DR. NOR AZIAN BT ABD. WAHAB)
No. Pendaftaran Penuh MPM:26063
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pegawai Kesihatan Daerah
Kubang Pasu
06000 Jitra,
Kedah Darul Aman

"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA
ADALAH BUDAYA KERJA KITA"



Pencegahan

- Menjaga kebersihan persekitaran rumah.
- Tutup dan tudung makanan supaya dihindari dari tikus.
- Mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum menyediakan makanan, sebelum makan dan selepas ke tandas.
- Mencuci tangan, kaki serta bahagian anggota lain dengan sabun selepas bekerja di kebun, memberai sampah dan kawasan rumah selepas banjir.
- Cuci dan balut sebarang luka yang terdapat di anggota badan dengan sempurna.
- Jangan bermain air dan lopak terutamanya selepas banjir.
- Segera mendapatkan rawatan jika mempunyai tanda-tanda.

AWAS!

PENYAKIT LEPTOSPIROSIS

Pengenalan

Penyakit Leptospirosis disebabkan oleh bakteria *Leptospira*.

Punca Jangkitan

Bakteria *Leptospira* boleh terdapat di dalam air kencing haiwan mamalia yang terjangkit seperti:

- Tikus
- Kucing
- Anjing
- Lembu
- Kambing
- Babi
- Kuda
- Haiwan-haiwan lain

Cara Jangkitan

Manusia boleh dijangkiti selalunya terdedah / kontak secara langsung dengan air / air banjir yang tercemar dengan air kencing haiwan yang terjangkit. Manusia juga boleh dijangkiti jika mengambil makanan atau minuman yang tercemar dengan air kencing haiwan yang terjangkit.

Tempoh inkubasi adalah selama 5 - 14 hari.

Tanda-tanda

Pesakit boleh mempunyai pelbagai gejala jika dijangkiti bakteria *Leptospira* seperti:

- Demam
- Sakit kepala
- Loya, muntah
- Sakit otot
- Kemerahan pada mata
- Buam kulit
- Sakit pada abdomen
- Batuk
- Sakit pada betis
- Jaundis (mata kekuningan)
- Air kencing berwarna kehitan (seperti air teh 'd' pekat)